

Pertarungan silat antara Noor Lakjuna dengan Mat Junoh Juna paling menarik

14 JUL 1980

bencah silat
PERTARUNGAN antara Noor Lakjuna dari Tar Tujuh Pasir Mas dan Mat Junoh Juna dari Pasir Puteh merupakan kemuncak pertandingan silat seni tari anjuran Persatuan Ibu-Bapa dan Guru-Guru Sekolah Menengah Kadok yang berlangsung di padang sekolah itu baru baru ini.

Keputusannya seri tapi para peminat yang membanjiri padang malam itu cukup puas hati dengan persembahan kedua peserta.

Noor Lakjuna yang terkenal di bidang silat seni tari telah menghidupkan diri selama tiga tahun lalu kerana mengikuti kursus perguruan kini muncul kembali ke gelanggang dan menunjukkan kecekapan ketangkasan dan keindahan seni tari yang cukup mengagumkan.

Hening malam dipecah oleh sorak dan tepukan gemuruh lebih 1000 penonton bila Noor Lakjuna membuka langkah menghadapi pencabarnya dengan gerak-geri yang sungguh mengagumkan.

Namun lawannya bukan calang-calang jaguan. Mat Junoh Juna sukar di tumpaskan malah telah memberi tentangan hebat. Sehingga ke pusingan kelima dan terakhir, tiada siapa yang kecundang dan pengadil Encik

Oleh MAHMOOD AHMAD

Mohamad Rafien Ali terpaksa mengumumkan keputusan seri.

Dalam perlawanan yang lain, Ibrahim Go Go dari Kok Lanas, Kota Bharu dengan mudah menewaskan Hamzah Anak Singa dari Weng, Thailand bila jaguh silat dari Thailand itu mengaku kalah setelah dijatuhkan oleh Ibrahim beberapa kali.

Walaupun Ibrahim berbadan kecil tapi ketangkasannya menepis dan mengambil lawan menyebabkan Hamzah Anak Singa 'mati akal' walau pun pada awalnya Ibrahim di duga sukar menewaskan lawannya yang lebih besar dan tinggi.

Seorang lagi jaguh silat Thailand terpaksa tunduk kepada lawannya Junoh Udang Galah dari Padang Lembek, Kota Bharu. Junoh yang tidak asing lagi di kalangan peminat seni silat di Kelantan dengan mudah mengatasi lawannya Abdul Rahman Anak Singa dalam satu pertemuan yang kurang menarik.

Abdul Rahman Anak Singa tidak mempunyai kecekapan untuk menan-

dingi Junoh sehingga di pusingan akhir jelas dia tidak memberi tentangan sebaliknya hanya cuba menjauhkan diri dari Junoh.

Jaguh terhandal dari Temaju, Thailand, Pak Tam melawan Hassan Misai dari Mulong, Kota Bharu. Pak Tam, pendekar yang tidak pernah tewas selepas 20 perlawanan, pernah mengalahkan Junoh Udang Galah dengan kiraan mata.

Bagaimana pun Hassan Misai tidak berjaya memberikan tentangan hebat kepada Pak Tam. Walaupun Hassan menggunakan kecekapannya sedaya upaya, jaguh dari Thailand yang lebih muda itu gagal dijatuhkan.

Sebaliknya Pak Tam menjatuhkan Hassan beberapa kali. Walaupun para penonton gemarkan sesuatu keputusan perlawanan ditentukan, perkara pokok ialah bukannya menang atau kalah kerana silat ialah sukan tradisional yang patut dihidupkan kembali dan patut diberi sokongan oleh kerajaan dan pihak polis.